


KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI PERTAMA



١ من شوال ١٤٤١ هـ

٠
٠
٠
٠

**Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Khutbah Aidilfitri Yang Pertama

Negara Brunei Darussalam Bagi Tahun

1441 Hijrah / 2020 Masihi

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ، اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ شَهَادَةً تَنْجِينًا بِهَا مِنْ عَذَابِ النَّارِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ سَيِّدَ الْأَنْبِيَاءِ وَالرُّسُلِ الْمُخْتَارِ.

اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ هَذَا النَّبِيِّ الْأَمِينِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

□ اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ

Sidang jemaah ahli keluarga yang dikasihi,

Alhamdulillah, dengan kedatangan 1 Syawal hari ini kita telah melafazkan takbir, tahmid dan tasbih sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ setelah berjaya melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan. Pada hari ini, kita diharamkan berpuasa dan menghalalkan kita berbuka sebagai kurnia Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ kepada kita, diatas kejayaan kita setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadan. Maka, kita sambutlah hari raya ini dengan selayaknya menurut sebagaimana yang telah diajarkan oleh ugama kita.

Di hari yang mulia lagi berbahagia ini, kita mengucapkan pula setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ di atas limpah kurnia nikmat-Nya kerana kita dapat menikmati kegembiraan berhari raya dalam suasana negara yang aman, damai dan sejahtera. Walaupun pada masa ini, kita juga dalam suasana khuatir, bimbang dan dalam keadaan berjaga-jaga akan bahaya wabak COVID-19 yang sedang melanda. Maka kerana itu, pada tahun 1441 Hijrah bersamaan 2020 Masihi ini kita berhari raya tidak seperti biasa pada tahun-tahun yang lalu. Tentu hal ini ada hikmah disebaliknya.

Sesungguhnya kita selaku hamba Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ tidak akan terlepas dari menerima sebarang ujian dan dugaan, perbezaannya hanyalah terletak pada besar atau kecil, berat atau ringannya ujian dan dugaan yang datang menimpa itu. Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa bersedia menempuhi ujian dan dugaan tersebut dengan penuh ketabahan, ketenangan dan yang paling utama ialah menghadapinya dengan penuh kesabaran.

□ اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ

Alhamdulillah, dengan izin, kudrat dan iradat Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ jua, negara kita Brunei Darussalam dengan usaha-usaha pencegahan secara bersepadu dari semua pihak telah dan akan seterusnya Inshallah dapat mengawal penularan wabak pandemik ini dengan berkesan. Manakala kita pula hendaklah sentiasa berwaspada dan jangan bersikap ambil mudah. Kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan mengawal gerak geri terutama apabila berada di tempat-tempat awam bagi mengawal dan mengurangkan lagi risiko penularan jangkitan penyakit ini dengan mengikuti dan mematuhi nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam masa yang sama ketahuilah, doa merupakan senjata dan cara kita sebagai hamba Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ untuk bermunajat dengan-Nya.

Daripada Abdullah bin Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا, Rasulullah ﷺ berpesan kepadanya: ***Apabila kamu meminta, mintalah pada Allah, dan apabila kamu meminta pertolongan, mintalah dengan Allah. (Hadis diriwayatkan oleh Imam Termizi)***

Oleh yang demikian, marilah kita terus berdoa kerana dengan berdoa itu menunjukkan kita adalah hamba yang sentiasa taat dan ingat kepada Allah, lebih-lebih lagi pada ketika ini, kita dan negara kita sedang diuji dengan musibah. Maka, sebagai orang Islam, anggaplah ujian dan musibah ini sebagai satu teguran dan peringatan daripada Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ supaya kita menuruti jalan agama-Nya yang sebenar dengan meneguhkan iman dan beramal ibadat hanya kerana Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ.

Semoga Hari Raya Aidilfitri yang kita raikan pada hari ini membawa keberkatan dan kesejahteraan kepada kita semua. Sama-samalah kita

berdoa mudah-mudahan kita di negara ini dan kita semua akan mendapat perlindungan dan keselamatan yang sebenar-benarnya daripada Allah وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ dan terhindar dari sebarang wabak, mara bahaya dan bala bencana. Amin Ya Rabbal Alamin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ
عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾
صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ
{سورة غافر آية: ٦٠}

Tafsirnya:

Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kepadaKu nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepadaKu akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina”

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.